

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Kutipan Bil Keluar (OBC)?

OBC ialah perkhidmatan di mana BOCM bertindak sebagai Bank Pengirim Wang untuk menghantar dokumen eksport pelanggan ke bank pembeli/pengimport supaya mengutip pembayaran atau penerimaan.

Faedah-faedah OBC

- Mengekalkan kawalan barang sehingga pembeli membuat pembayaran atau memberi penerimaan.
- Lebih mudah dan murah berbanding dengan Surat Credit (LC).
- Boleh mendapatkan pembiayaan daripada BOCM dengan pembiayaan OBC jika memenuhi syarat.

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda perlu memberi arahan yang jelas kepada BOCM untuk mengendalikan bil yang dikemukakan oleh anda.
- Anda memberi kuasa kepada BOCM secara tidak boleh ditarik balik untuk debit sebarang jumlah hutang atau perlu dibayar oleh anda daripada akaun anda dengan bank.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma dan syarat permohonan OBC sebelum menandatangani.



Bayar amaun penuh OBC termasuk sebarang komisen atau caj yang dikenakan pada tarikh matang.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. Bayaran tidak dijamin kerana BOCM hanya bertindak sebagai ejen untuk pengeksport/penjual.
2. Bayaran tidak dijamin untuk dokumen terhadap tempoh pembayaran penerimaan (D/A) apabila pembeli/pengimport telah mengambil barang.
3. Apabila OBC melanggar pencegahan pengubahan wang haram, sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), atau undang-undang yang berkenaan, BOCM boleh membatalkan kutipan, penerimaan, atau penyelesaian/pembayaran OBC.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

Arahan pengutipan yang tidak lengkap boleh mengakibatkan kelewatan dan/atau tiada pembayaran dan/atau arahan pengutipan tidak diterima oleh pembeli/pengimport.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Kutipan Bil Keluar (Bil Bukan LC) (Item Bersih dan Dokumentari)	0.1% rata pada jumlah bil Minimum RM50 Maksimum RM100 (Bil Mata Wang Asing) Maksimum RM500 (Bil Mata Wang Tempatan)	<u>Kutipan/ Penerimaan/ Pembayaran OBC:</u> Pembayaran dalam mata wang asing: Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. <u>Pembayaran/Penyelesaian OBC:</u> Sebelum pukul 5 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 5 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.

Nota:

- Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di <https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html> untuk senarai penuh fi dan caj;
- Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan;
- Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan OBC dan dokumen pembiayaan adalah lengkap;
- Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai OBC kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat
Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-settlement/outward-bills-for-collection.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Nombor Perhubungan: +603-2616 7766

E-mel: enquiry@akpk.org.my